

Headline	FRIM hasil produk anti-gout daripada pokok cucer atap		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	25 Oct 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	32,799
Page No	B4	Readership	98,397
Language	Malay	ArticleSize	481 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,586
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 10,758



FRIM hasil produk *anti-gout* daripada pokok cucer atap

INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) terus mencipta inovasi baharu dalam bidang perubahan negara dengan penghasilan produk anti-gout daripada pokok cucer atap yang tumbuh meliar di sekitar kawasan pantai di Terengganu.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr AbdLatif Mohmod berkata pokok cucer atap atau nama saintifiknya *Baeckea frutescens* telah lama digunakan secara tradisional untuk merawat pelbagai penyakit seperti sembelit, sakit perut, sakit belakang dan turut digunakan bersama herba lain untuk mengawal tekanan darah dan paras gula dalam darah.

"Hasil kajian saintifik FRIM selama lapan tahun juga mendapati

herba ini mempunyai nilai perubahan yang berpotensi sebagai anti-gout.

"Prototaip produk herba cucer atap yang dilancarkan hari ini (kelmarin) juga didapati sangat berkesan menghalang penghasilan dan pengumpulan asid urik di bahagian sendi. Ia telah pun dipatenkan dan akan dipasarkan secara komersial dengan mana-mana pihak yang berminat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis prapemuncaran produk prototaip anti-gout dikenali sebagai GouTree di Stesen Penyelidikan FRIM dekat Bari di Setiu, kelmarin.

Penggunaan produk itu boleh diambil dalam dua

kaedah iaitu dengan cara memakan kapsulnya atau kaedah semburan di bahagian sendi yang sakit.

Mengulas lanjut, beliau berkata penemuan baharu itu juga bakal memberi impak positif kepada ekonomi Terengganu kerana negeri ini mempunyai 60,000 hektar keluasan tanah berpasir yang sangat sesuai ditanam pokok cucer atap.

"Ketika ini, sebanyak 500 batang pokok cucer atap telah ditanam di stesen ini bagi tujuan penyelidikan FRIM menjalankan kajian mengenai spesies pokok ini melibatkan pelbagai skop iaitu daripada penghasilan anak pokok sehingga penghasilan bahan mentah.

"Kita berharap dengan penemuan saintifik ini, lebih ramai rakyat Malaysia mendapat manfaat kesihatan daripada herba milik negara sekaligus mengurangkan kebergantungan import dari negara luar," katanya. — Bernama



PROTOTAIP: Produk prototaip anti-gout 'Goutree' yang dihasilkan dari pokok cucer atap pada sidang media selepas Pra Pelancaran Produk Antigout di Stesen Penyelidikan FRIM (SPF) Setiu, Setiu baru-baru ini. — Gambar Bernama



KAJIAN: Pembantu Penyelidik Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Hazlin Abd Rahim memeriksa pokok cucer atap atau nama saintifiknya *Baeckea frutescens* yang menghasilkan produk prototaip anti-gout 'Goutree' dihasilkan FRIM selepas Pra Pelancaran Produk Antigout di Stesen Penyelidikan FRIM (SPF) Setiu baru-baru ini. — Gambar Bernama